


13 MEI

Laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)
9 Oktober 1969

5051
IG

Kata pengantar oleh:
Tun Abdul Razak bin Hussein

Terjemahan Oleh:
Hariz Rashid



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDAMA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Lib
RM 25.0

13 MEI

Laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

Terjemahan oleh
Hariz Rashid

**BIBLIO
PRESS**

The Biblio Press
2021

PUSTAKA PERDANA



1013208



Cetakan pertama, Ogos 2021
Hak Penerbitan © The Biblio Press Enterprise
Hak Cipta Terjemahan © Hariz Rashid

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

13 Mei: Laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ialah terjemahan sah *The May Tragedy: A Report* terbitan Silverfish Books.

ISBN: 978-967-25786-0-4

DITERBITKAN OLEH:

The Biblio Press Enterprise
G-22, Menara Mutiara Majestic,
15, Jalan Othman,
46000, Petaling Jaya, Selangor.

HUBUNGI:

☎ 014-9470499

✉ bibliopress.my@gmail.com

🌐 thebibliopress.com

📘 The Biblio Press

📷 @bibliopress

🐦 @BiblioPress

Penyelaras penerbitan/pembaca pruf: Shamsul Amin

Penterjemah: Hariz Rashid

Penyunting: Faizal Salim

Pereka sampul: Eyqa Zaque

Pengatur huruf: Nida Zahar Studio

DICETAK OLEH:

Firdaus Press Sdn. Bhd.,
28, Jalan PBS 14/4,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300, Seri Kembangan, Selangor.



ISI KANDUNGAN

PRAKATA	v
PENDAHULUAN	xi
BAHAGIAN SATU: LATAR BELAKANG SEJARAH...	1
1. Masyarakat Tanah Melayu Pasca Perang Dunia Kedua	2
2. Dasar British Selepas Perang	5
3. Keganasan MPAJA.....	8
4. Darurat Tahun 1948	10
5. Kebangkitan Komunis.....	13
BAHAGIAN DUA: TRAGEDI	17
6. Ketidakpastian dan Ketidakpercayaan.....	18
7. Konfrontasi Pulau	21
8. Pertengkaran Kecil	24
9. Politik Perkauman	27
10. Kongsi Gelap dan Politik.....	32
11. Ketegangan yang Dirancang	34
12. Perarakan 'Kemenangan'	37
13. Keingkaran	44
14. Tindak Balas	46

15. 13 Mei	50
16. Khabar Angin dan Luar Jangkaan	68
17. Operasi Bersama.....	76
18. Laporan Berwarna dan Fakta-Fakta	79
19. Akhbar Asing dan Golongan Pro-Mao	84
BAHAGIAN TIGA: TUGAS-TUGAS MENDATANG	87
20. Halangan	88
21. Pilihan.....	91
22. Demokrasi Perlembagaan dan Identiti Nasional....	93
STATISTIK.....	101

PRAKATA

TARIKH 13 Mei 1969 adalah salah satu titik penting dalam sejarah negara. Pada hari tersebut asas pembangunan negara ini digegarkan dengan permasalahan kaum di mana keganasan yang berlaku mengatasi jangkauan minda. Hanya dengan tindakan tegas dan pantas oleh kerajaan berserta dengan sokongan daripada Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia dapat meredakan ketegangan yang berlaku ketika itu. Jika tindakan pantas tidak dilakukan, tentu seluruh negara akan menghadapi keadaan yang lebih parah.

Bagi sesetengah masyarakat Malaysia pada ketika itu, tragedi ini mempunyai kesan yang mendalam pada diri mereka. Namun kita tidak sepatutnya menuding jari dan menyalahkan sesama sendiri. Pada hari kejadian, kita dikejutkan dengan kenyataan yang jelas di mana hubungan antara kaum tidak seerat yang disangka dan perkauman adalah masalah yang besar di Malaysia. Banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia namun ia tidak mencukupi dalam membantu menjernihkan hubungan antara kaum.

Pergeseran kecil sering berlaku dalam setiap lapisan masyarakat, namun kita teruskan juga kehidupan dengan harapan perkara-perkara kecil ini tidak akan membawa kepada pergaduhan yang lebih besar. Kepercayaan yang ada pada setiap rakyat negara ini, serta keyakinan terhadap sistem demokrasi membentuk tingkah laku rakyat Malaysia sejak merdeka lagi.

Kami menyangka bahawa ahli ahli politik sudah memahami akan keadaan negara ini yang mempunyai berbilang kaum dan menggunakan budi bicara serta tolak ansur dalam ucapan mereka. Namun ia tidak mengambil masa yang lama untuk mengesan bahawa adanya satu usaha daripada ejen ejen Komunis; kumpulan kongsi gelap; serta golongan pelampau untuk mengucar-ngacirkan keamanan negara semata mata untuk memenuhi kepentingan mereka.

Saya berasa amat sedih. Keadaan menjadi lebih parah ketika hendak menuju ke Pilihan Raya Umum yang lalu. Banyak calon dalam Pilihan Raya Umum menggunakan isu perkauman sebagai isu utama dalam ucapan mereka; ejen Komunis dalam Parti Buruh pula menggunakan upacara perarakan kematian sebagai satu pentas untuk melaungkan slogan yang pro Mao, manakala pertubuhan kongsi gelap pula bekerja secara senyap untuk membangkitkan rasa takut di kalangan masyarakat serta mengedarkan senjata kepada masyarakat. Tiga perkara ini adalah punca utama yang menyebabkan berlakunya tragedi ini, dan kerajaan berusaha sedaya upaya untuk memisahkan mereka dan

berusaha sebaik mungkin untuk mengelakkan daripada berlakunya pertumpahan darah.

Ketika kempen sedang berlangsung ada beberapa calon daripada Parti Pembangkang menyerang Perlembagaan Persekutuan dengan nada perkauman. Mereka memutar belit fakta dan memberikan tafsiran yang salah ke atas beberapa artikel dalam Perlembagaan Persekutuan, secara khusus Artikel 152 dan 153. Mereka mendesak supaya Artikel 153 dibuang daripada perlembagaan di mana artikel tersebut memberikan perlindungan ke atas hak orang Melayu. Desakan ini menyebabkan masyarakat Melayu tidak berpuas hati. Manakala di pihak Melayu, calon calon berkempen mengenai sebuah kerajaan yang dipegang sepenuhnya oleh orang Melayu tanpa menghiraukan bangsa lain. Hal ini pula menyebabkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat bukan Melayu.

Pilihan Raya Umum berlangsung dengan lancar dan kerajaan menang dengan majoriti yang selesa. Pihak pembangkang juga berjaya menambah bilangan kerusi mereka di dalam Parlimen. Kejayaan yang tidak dijangka ini menyebabkan beberapa ahli parti pembangkang mula berasa angkuh, dan penyokong mereka menzahirkan perasaan tersebut dengan hinaan dan cercaan. Pada mulanya hanyalah sekadar meraikan kejayaan sebuah parti politik namun kemudian bertukar menjadi isu perkauman.

Laporan ini akan membentangkan fakta mengenai

punca kekacauan yang berlaku pada 13 Mei. Laporan ini akan menjelaskan mengenai keadaan masyarakat pada ketika itu; ia berkaitan dengan hari kejadian serta peranan yang dimainkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia dalam menangani kekacauan tersebut serta mengembalikan keamanan dan kawalan penuh kerajaan ke atas negara; dan akhir sekali, laporan ini akan menerangkan arah mana yang perlu dituju oleh negara ini.

Pengajaran daripada tragedi ini amat jelas. Negara ini tidak akan membenarkan mana-mana pihak untuk mengadu domba dan menghasut masyarakat yang akan menyebabkan permusuhan sesama mereka. Untuk memastikan tragedi ini tidak akan berulang di masa hadapan, kita kena memastikan isu yang akan mengeruhkan perhubungan antara kaum tidak akan dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kita boleh capai matlamat ini jika kita meletakkan isu ini jauh daripada jangkauan perkauman, komunis, dan golongan pelampau yang lain. Kita perlu membina satu kerangka politik yang sedar dan peka akan masalah sosial dan ekonomi masyarakat kita di mana ia diasaskan di atas satu batu asas yang kukuh.

Laporan ini disediakan untuk menjelaskan situasi sebenar pada 13 Mei kepada masyarakat. Tambahan pula, laporan ini ditulis dengan satu tekad bahawa agenda penyatuan bangsa mesti dilaksanakan dengan bersungguh. Perjalanan negara kita ini mesti dibentuk

atas usaha sama semua bangsa yang ada di Malaysia dengan semangat keyakinan dan keberanian.

Selepas penerbitan laporan ini, kerajaan akan menjemput perwakilan daripada pelbagai kumpulan dan persatuan di negara ini perwakilan politik, agama, ekonomi, dan pelbagai lagi untuk berkhidmat di dalam Majlis Perunding di mana isu yang boleh memberi kesan kepada penyatuan bangsa akan dibincangkan secara mendalam. Dengan harapan melalui cara ini kita dapat mencapai satu tahap persefahaman dalam isu-isu negara yang dapat menjamin keamanan pada masa hadapan, keselamatan dan kesatuan negara kita dan tragedi 13 Mei tidak akan berulang lagi.

Saya meminta kepada semua rakyat Malaysia untuk memikirkan akan kepentingan penyatuan ini supaya Malaysia akan terus maju dan makmur.

TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)



PENDAHULUAN

TUJUAN laporan ini adalah untuk melaporkan fakta fakta yang berkaitan dengan kekacauan yang berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur.

Keganasan tercetus pada 13 Mei adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh sesetengah pihak dalam memutarbelitkan sejarah negara. Ini juga termasuk jurang generasi dan perbezaan dalam pentafsiran Perlembagaan Persekutuan oleh pelbagai kaum di dalam negara ini, dan juga desakan oleh beberapa ahli politik bukan Melayu untuk memansuhkan beberapa artikel di dalam Perlembagaan khususnya artikel yang ada kaitan dengan hak dan kepentingan bangsa Melayu seperti Artikel 152 dan 153; hasutan, hinaan, dan cacian yang dilakukan oleh penyokong parti tertentu ketika Pilihan Raya Umum; peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan kumpulan kongsi gelap dalam menghasut masyarakat untuk benci dan sangsi sesama sendiri; dan seterusnya meningkatnya perasaan kurang percaya antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina; dan terkini,

13 MEI

Laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

selepas Pilihan Raya Umum, berlaku tragedi disebabkan hinaan, cercaan, dan ugutan oleh satu bangsa ke atas bangsa Melayu menyebabkan bangsa Melayu berasa terancam di tanah air mereka sendiri.

BAHAGIAN SATU

LATAR BELAKANG SEJARAH

S A T U

MASYARAKAT TANAH MELAYU PASCA PERANG DUNIA KEDUA

KEWUJUDAN masyarakat berbilang kaum di negara ini adalah berpunca daripada dasar ekonomi British sebelum perang di mana British menggalakkan migrasi masyarakat bukan Melayu ke negara ini. Imigran Cina dan India, pada ketika itu dianggap sebagai pekerja bawahan dan aliran masuk dan keluar mereka ke dalam negara ini bergantung pada keadaan semasa ekonomi. Namun, mereka menjadi penduduk tetap di negara ini menjelang dekad keempat pada abad ini. Kekayaan bumi Malaya dan dasar ekonomi yang terbuka, sifat tolak ansur masyarakat Melayu, diambil kesempatan oleh kerajaan penjajah, ini menyebabkan kemasukan secara besar-besaran imigran Cina dan India dan ia berlaku secara besar besaran sehinggalah pada tahun 1930-an.

Masyarakat Melayu pada ketika itu menerima (walaupun tidak sepenuhnya) dasar British di Malaya. Dasar

British pada ketika itu adalah pemisahan kawasan bangsa atau pecah dan perintah masyarakat Melayu pada ketika itu hidup di kampung dalam lingkungan sesama mereka seperti biasa, namun pada masa sama tiada usaha yang dilakukan oleh kerajaan penjajah untuk mengawasi serta mengawal selia jumlah kemasukan imigran ke dalam Malaya. Dalam kebanyakan keadaan, imigran ini diuruskan secara bebas di mana tiada campur tangan British dalam hal ehwal yang berkaitan dengan bangsa Cina dan India, dan ini menyebabkan kewujudan mereka di sini tidak terikat dengan British, seperti sekolah mereka yang mana kebanyakannya mengambil kurikulum dari negara asal dan British tidak masuk campur dalam urusan hal ehwal sekolah mereka. Ini dapat menjelaskan mengenai sikap sesetengah masyarakat bukan Melayu dan ini juga menyukarkan usaha untuk pembangunan negara pada hari ini.

Kebanyakan orang Cina di Malaya mempunyai kesedaran politik. Namun kepentingan politik yang berlegar di dalam masyarakat Cina di Malaya kebanyakannya datang daripada pengaruh luar. Mereka memainkan peranan mereka dan juga menyumbang dalam Revolusi China pada tahun 1911. Pada tahun 1912, Parti Kuomintang menubuhkan cawangannya di Malaya. Tidak lama selepas itu, banyak cawangan lain tumbuh di Malaya, namun mereka semua bergerak secara senyap beberapa tahun kemudian kerana mendapat tentangan daripada British. Selepas tahun 1923, Parti Koumintang jatuh di bawah pengaruh Komunis, ini bermakna pengaruh Komunis

sudah mula menguasai Parti Koumintang dan menjelang tahun 1926 jumlah propaganda Revolusi China di Malaya meningkat dengan banyak. Kebanyakan aktiviti aktiviti Parti Kuomintang di Malaya bersandarkan dengan perkembangan yang berlaku di China.

Pada tahun 1927, Chiang Kai Shek berjaya menyingkirkan pengaruh Komunis dalam pentadbiran Kuomintang. Ini menyebabkan golongan pelampau Komunis di Malaya, dengan bantuan lima perwakilan Parti Komunis China yang mendarat di Malaya pada penghujung tahun 1927, menubuhkan satu organisasi baru.

Ini adalah langkah yang penting dalam pembangunan sebuah Parti Komunis Malaya yang didominasi oleh orang Cina.

Ketika antara dua perang (selepas Perang Dunia Pertama dan sebelum Perang Dunia Kedua), masyarakat Melayu mula sedar bahawa jumlah imigran yang ramai memasuki Malaya, disebabkan oleh dasar ekonomi British pada ketika itu, ia memberi kesan kepada kuasa politik orang Melayu. Kuasa Sultan semakin terhakis disebabkan pemerintahan berpusat yang diamalkan oleh British. Nasionalis Melayu pada ketika itu tidak mendapat sambutan dan sokongan daripada masyarakat Melayu kerana pada ketika itu sifat kenegerian masih menebal dalam kalangan orang Melayu. Kesedaran politik orang Melayu mula muncul selepas Perang Dunia Kedua.

DU A

DASAR BRITISH SELEPAS PERANG

SELEPAS Perang Dunia Kedua tamat, kerajaan British mula merasakan dasar mereka di Malaya agak ketinggalan zaman dan mereka ingin menukarkan dasar mereka agar ia seiring dengan perkembangan semasa. British cuba untuk menyatukan Negeri-Negeri Melayu dengan Negeri Negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka dan menjadi satu Kesatuan Malaya atau dikenali sebagai Malayan Union. Tujuan British membuat dasar seperti ini adalah untuk mengatasi segala masalah pentadbiran yang berlaku semasa sebelum perang di antara setiap Negeri-Negeri Melayu. Dasar ini akan menyebabkan semua dasar British yang terdahulu tidak terpakai, ini termasuk mengiktiraf kuasa Sultan di setiap negeri. Dasar Malayan Union terdapat dua ciri: pertama, pentadbiran di setiap Negeri-Negeri Melayu akan disatukan di bawah satu pentadbiran dan ini akan menyebabkan Sultan-Sultan di Negeri-Negeri Melayu akan kehilangan kuasa mereka; kedua, masyarakat Melayu akan kehilangan kedudukan dan identiti politik mereka dalam masyarakat, hak kerakyatan akan diberi

sama rata kepada semua orang tanpa mengira bangsa dan agama (kecuali orang Jepun). Mereka yang lahir dan menetap di dalam Malayan Union akan tergolong dalam satu kategori politik yang sama. Kertas Putih British mengenai usul ini menjelaskan antara lain, “sasaran untuk sebuah sistem kerajaan (di Malaya) yang mudah dan diperbaharui kini sudah hampir tercapai”.

Sir Harold MacMichael, Wakil Khas kerajaan British, dihantar ke Malaya bertujuan untuk mendapat per setujuan daripada Sultan di setiap Negeri Melayu mengenai penubuhan Malayan Union.

Dalam menghadapi ancaman ini, pihak nasionalis Melayu mula bangkit dan melawan penubuhan Malayan Union. Masyarakat Melayu kini sudah menyedari akan kepentingan ekonomi dan politik di sekeliling mereka di mana kebanyakan kepentingan tersebut dipegang oleh orang bukan Melayu, mereka takut jika Melayu akan tewas dari segi ekonomi dan juga dikalahkan dalam dunia politik di tanah air mereka sendiri. Orang Melayu adalah “orang yang miskin di negara yang miskin, dan kini mereka adalah orang yang miskin di negara yang kaya”, lalu mereka merasakan satu ancaman ke atas kuasa politik mereka. Mendapat ilham dan panduan melalui apa yang terjadi di sekeliling mereka seperti apa yang berlaku di Indonesia dan India, masyarakat Melayu tekad untuk melawan dasar baharu Malayan Union yang diperkenalkan oleh British.

Masyarakat Melayu meragui akan kesetiaan bangsa

Cina, sama ada mereka masih mengekalkan kesetiaan mereka kepada tanah besar China atau pun tidak. Seperti yang diketahui, terdapat satu kekosongan identiti di dalam masyarakat imigran dengan masyarakat tempatan. Bagi masyarakat Melayu, kesetiaan kepada Sultan dan negara adalah sesuatu yang pasti; untuk masyarakat Cina, seperti dilihat dari kaca mata masyarakat Melayu, “kesetiaan” masyarakat Cina hanya pada kesetiaan politik kepada negara yang hendak baru ditubuhkan kesetiaan mereka lebih kepada hak sebagai rakyat, kepentingan politik mereka, dan dominasi ekonomi.

Kesannya berlaku penentangan secara besar-besaran daripada masyarakat Melayu, rancangan dan dasar Malayan Union dibatalkan pada tahun 1948. Perjanjian MacMichael juga dibatalkan dan digantikan dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dengan satu persefahaman bahawa Persekutuan ini akan menjadi batu loncatan untuk menuju ke arah kerajaan pemerintahan sendiri. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), parti yang melawan rancangan MacMichael, adalah satu lambang kesatuan masyarakat Melayu pada ketika itu. UMNO bersetuju secara prinsip untuk menganugerahkan kerakyatan kepada masyarakat bukan Melayu yang benar benar setia kepada negara dan bersedia untuk melafazkan sumpah taat setia kepada negara. Meskipun perjanjian ini adalah untuk menganugerahkan hak kerakyatan, ada beberapa kegelisahan dan tidak puas hati dalam kalangan imigran kerana bagi mereka perjanjian ini tidak mencukupi.

13 Mei 1969 akan kekal diingati sebagai peristiwa bersejarah negara. Pada hari tersebut, perpaduan yang menjadi batu asas negara ini diganggu-gugat oleh gejala perkauman yang menyaksikan keganasan berlaku hampir di mana-mana. Dengan tindakan tegas dan segera oleh kerajaan, serta sokongan setia angkatan tentera bersenjata dan polis, situasi pada hari tersebut dapat dikawal. Jika bukan kerana tindakan dan pencegahan segera, sudah tentu situasi berdarah ini akan jauh lebih parah.

Bagi sebahagian daripada kita, tragedi ini mempunyai makna yang peribadi buat diri. Namun kita tidak boleh benarkan peristiwa tersebut membuatkan kita terus hanyut. Pada hari tersebut, kita tersentak lalu tersedar bahawa permasalahan kaum di negara kita amat serius, dan langkah yang telah diambil pada masa lalu belum cukup memadai.

“Pengajaran daripada tragedi ini amat jelas. Negara ini tidak akan membenarkan mana-mana pihak untuk mengadu domba dan menghasut masyarakat yang akan menyebabkan permusuhan sesama mereka.

Untuk memastikan tragedi ini tidak akan berulang pada masa hadapan, kita perlu memastikan isu yang akan mengeruhkan perhubungan antara kaum tidak akan dimainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab”

**-Tun Abdul Razak bin Hussein
Pengerusi MAGERAN**

**BIBLIO
PRESS**

RM25

ISBN 978-967-25786-0-4

